

KEDUDUKAN HADIS DALAM DRAMA TANAH KUBUR: REFLEKSI INTELEKTUAL DAN WACANA MUHADDITHŪN

**Abur Hamdi Usman,¹ Mohd Norzi Nasir,¹ Ahmad A'toa Mokhtar,¹
Bahtiar Mohd Nor² & Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin¹**

¹ Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

² Faculty of Management and Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Abur Hamdi Usman. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: aburhamdi@kuis.edu.my.

Abstrak

Penggunaan hadis untuk tujuan menyampaikan mesej dakwah merupakan pendekatan baharu yang perlu diambil peluang. Namun, penyampaian dakwah menerusi medium ini perlu diperhalusi penggunaannya terutama yang melibatkan kedudukan hadis yang digunapakai dalam drama. Justeru, artikel ini membincangkan hubungan antara hadis sebagai sumber kedua perundangan Islam dengan drama Melayu sebagai metodologi dakwah kontemporari. Huraianannya merangkumi status kesahihan hadis yang digunakan dan keserasian makna hadis dengan jalan cerita dalam drama. Dengan menggunakan metode analisis kualitatif, artikel ini mendapati beberapa hadis yang terdapat dalam drama Tanah Kubur yang bertaraf Sahih dan Hasan Ṣaḥīḥ. Manakala dari sudut pendalilan pula didapati episod yang tiada kaitan dengan makna hadis yang sebenar. Dapatan daripada artikel ini dinilai sangat penting bagi mengelakkan masyarakat daripada terpengaruh dengan sesuatu amalan yang tidak ada sandaran daripada al-Quran dan al-Sunnah. Akhirnya, saranan dan cadangan yang dilonitarkan dalam artikel ini dapat memberi suntikan ilmiah kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) untuk menggariskan akta penerbitan bercetak dan mengawal selia hadis dalam drama Melayu.

Kata kunci: *Drama; Hadis; Dakwah; Melayu; Tanah Kubur.*

**(HADITHS VALUE IN DRAMA TANAH KUBUR: AN INTELLECTUAL
REFLECTION AND HADITH SCHOLARS DISCOURSES)**

Abstract

The usage of hadith to deliver da'wā messages as a new approach that need to be highlighted. However, the preaching of da'wā through this medium needs to be refined, especially the authenticity of hadith used in Drama or Movie. Thus, this article discusses a relationship between hadith, as a second source of Islamic Law with the Malay Drama as one of a contemporary da'wā methodology. The description covers the validity of the hadiths status and the harmony of its meaning with the storyline in the Drama. By adopting the qualitative analysis method, this article found some of the hadiths are Ṣaḥīḥ and Ḥasan Ṣaḥīḥ in Drama Tanah Kubur. Moreover, there was an episode that unrelated to the real meaning of the hadith. Hence, the finding of this article is important to prevent the society from being affected by the practices that not reflected from the Quran and al-Sunnah. Finally, this article presents recommendation and suggestion which can provide scientific knowledges for the Ministry of Home Affairs (KDN) and the National Film Development Corporation (FINAS) to outline the printed publication act and regulate the hadiths in Malay Drama.

Keywords: *Hadith; Drama; Da'wā; Malay; Tanah Kubur.*

Received: August 20, 2018

Accepted: October 5, 2018

Online Published: December 7, 2018

1. Pendahuluan

Perkembangan industri seni lakonan dewasa ini disokong dengan kemajuan teknologi yang keterhadapan dari zaman ke zaman. Bermula daripada seni tarian kepada seni lakonan pentas sehinggalah kini ianya telah dipaparkan di televisyen, malah berada di gajet-gajet audiens. Siegfried Kracauer (1889-1966) salah seorang pengkritik filem berkewarganegaraan Jerman melihat filem sebagai paparan mentaliti sesuatu bangsa yang diterjemahkan melalui imej audio dan visual secara langsung kepada masyarakat (Kracauer 1960). Justeru, filem dilihat banyak memberi kesan kepada perubahan dan pembentukan tingkah laku selaras dengan peranannya sebagai agen perubahan kepada masyarakat.

Artikel ini menyorot drama sebagai medium perantara yang sangat jelas kekuatannya dalam membawa pengaruh kepada masyarakat (Mulkan, 2014). Asiah dan Nur (2008) berpendapat bahawa filem adalah medium komunikasi yang mempunyai kekuatan audio dan visual yang luar biasa mampu memanipulasi makna yang maksimum untuk mendapat perhatian khalayak. Maka tidak sangsiilah sekiranya filem atau drama boleh menjadi salah satu faktor kepada

hancurnya nilai-nilai murni dalam masyarakat. Oleh itu, artikel ini membahaskan beberapa isu berkenaan kewujudan hadis dalam drama sebagai platform penyebaran dakwah kepada masyarakat secara umum. Dari sudut teknikalnya artikel ini menyentuh berkenaan sumber hadis dan martabatnya sebagai dalil kepada kandungan drama.

2. Drama Platform Dakwah

Malaysia telah dikejutkan dengan beberapa filem dan drama berunsur Islamik yang membawa aura baru dalam industri filem negara. Kemunculan beberapa filem, seperti *Nur Kasih The Movie*, *Tujuh Petala Cinta*, *99 Kali Rindu* dan drama seperti *Tanah Kubur*, *Sayap Jibril*, *Istikarah Cinta* dan sebagainya. Dengan adanya kemunculan filem dan drama seperti ini, masyarakat mula didedahkan dengan mesej-mesej berbentuk Islamik di dalam dialog dan jalan penceritaan. Tanpa disedari proses dakwah, iaitu komunikasi antara kandungan drama dan audiens ini berlangsung (Moll, 2012). Filem dan drama berunsur Islamik ini datang seperti satu gelora ombak yang besar kerana ianya datang menarik perhatian masyarakat sejak kemunculan drama *Nur Kasih* yang telah ditayangkan pada tahun 2009 arahan pengarah terkenal Khabir Bakhtiar yang telah mencapai tontonan seramai hampir 5 juta penonton. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat Malaysia menyukai drama yang membawa unsur Islam untuk dijadikan sebagai tatapan penonton.

Rentetan dari kejayaan tersebut industri ini mula dipenuhi dengan filem dan drama berunsur Islamik. Natijahnya filem atau drama dijadikan sebagai platform dakwah dan dilihat telah mengambil tempat dalam industri seni tempatan. Dakwah melalui seni perfileman menyatakan kewujudan filem-filem yang berunsur Islamik mampu menjadikan arena perfileman sebagai satu saluran yang berkesan dalam penyampaian mesej dakwah kepada golongan sasaran (Izharuddin, 2017). Filem dan drama merupakan elemen yang cukup berkesan dalam mencetuskan kesedaran dan keinsafan. Filem atau drama merupakan wahana yang ampuh untuk menyampaikan dakwah yang juga merupakan salah satu wadah dalam mempertahankan syiar Islam (Dusuki Ahmad, 2011).

Drama dan filem pada ketika ini terhasil dengan sentuhan khas tangan pengarah dan penerbit drama tempatan. Malah pada abad ini mula lahir karyawan seni yang membawa wajah Islam pada industri seni negara. Keberanian pengarah-pengarah muda seperti Shamsul Yusof melalui filemnya *Munafik* pecah panggung pada tahun 2016 dengan kutipan sebanyak RM 19 juta. Filem bergenre

seram namun mengangkat nilai Islam dari sudut penerimaan *qada'* dan *qadar* kehidupan serta pengamalan kehidupan seorang pengamal perubatan Islam mencerminkan nilai-nilai utama dalam menjadi contoh terbaik kepada pengarah dan penerbit yang lain dalam memajukan industri filem negara.

Sumber perundangan Islam iaitu al-Quran dan hadis pula mula dijadikan sebagai dalil dan hujah di dalam dialog-dialog di antara para pelakon (Rakhmani, 2016). Drama pada masa kini banyak melakonkan watak-watak seorang alim seperti ustaz ataupun guru yang berhujah dengan menggunakan dalil dan nas dari al-Quran dan hadis Nabi SAW. Ianya adalah satu perkembangan yang sangat baik kerana filem dan drama telah dijadikan sebagai platform dakwah kepada masyarakat. Maka, tidak hairanlan ianya sesuai untuk dijadikan sebagai platform pembentukan pendidikan, politik, sahsiah dan ideologi masyarakat (Asiah & Nur, 2008). Dalam menyampaikan mesej dan ideologi kepada masyarakat terkadang pihak produksi sendiri kurang memahami nas dan hujah yang dikeluarkan dari al-Quran dan hadis. Lantaran itu berlaku dialog-dialog yang tanpa sengaja dianggap sebagai hadis Nabi SAW. Malahan berlaku salah faham dalam memahami maksud hadis yang dijadikan hujah dalam lakonan.

Drama Islam atau bukan Islam bukanlah ukurannya, selagi mana satu-satu drama atau filem dilakonan dan membawa hujah atas nama Nabi SAW, maka perlu diteliti dengan jelas akan pendalilan hadis tersebut tanpa memesongkan maknanya. Hal ini bagi mengelak kekeliruan yang bakal timbul di hati dan minda kepada masyarakat beragama Islam khususnya. Oleh itu, setiap individu dalam bidang ini perlu jelas bahawa drama Islam adalah satu platform yang menerapkan segala bentuk nilai murni, menyebarkan kebenaran, kebaikan dan kesucian Islam. Sesebuah filem atau drama yang sebenarnya tidak akan terhasil, jika pembikin dan pengkaryanya tidak dididik dengan Islam dan terdidik di dalam Islam. Jangan kerana kepentingan seni agama perlu digadaikan. Begitu juga kerana sesuatu kepentingan yang tertentu yang lebih bersifat keduniaan, akal budi keturunan bangsa dikorbankan (Naim Ahmad, 2010).

Sehubungan dengan itu, penggunaan hadis dalam drama perlu diamati dengan lebih bijak oleh para pengarah dan penulis skrip bagi memastikan agar nilai Islam sebenar dapat disampaikan melalui platform drama atau filem. Kelemahan dalam menyampaikan makna sebenar hadis serta kesesuaian hadis dengan plot penceritaan dibimbangi akan menghalang audiens dari memahami plot penceritaan yang hendak disampaikan serta nilai utama dari hadis yang didialogkan.

3. Signifikan Hadis dalam Drama

Islam yang meletakkan al-Quran dan hadis sebagai sumber utama perundangan memainkan peranan penting dalam mengharmonikan hidup penganutnya. Malah kedua-dua sumber ini secara amnya tidak boleh dipertikaikan kerana ianya merupakan perkara yang telah tetap dan kuat dalam memastikan kemaslahatan umat Islam. Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī (l. 1926), Presiden Persatuan Ilmuwan Islam Antarabangsa, al-Sunnah merupakan penafsiran al-Quran dalam praktik atau penerapan ajaran Islam secara faktual dan ideal. Hal ini mengingatkan bahawa peribadi Nabi SAW merupakan perwujudan dari al-Quran yang ditafsirkan untuk manusia, serta ajaran Islam yang diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari. Maka tidak hairanlah bila melihat kembali sirah, dijumpai satu adegan dialog antara Aisyah RA dengan para sahabat. Soalan dari sahabat yang bertanya “*Seperti apakah akhlak Rasulullah SAW?*” Jawapan ringkas daripada Aisyah RA adalah “*Akhlak Baginda SAW adalah al-Quran.*” (Yūsuf al-Qaraḍāwī, 1993).

Hadis yang merupakan sumber perundangan Islam kedua menjadi *niche* utama dalam artikel ini, malah dihubungkan dengan drama untuk melihat kesinambungan antara kedua-duanya dalam memberi impak kepada masyarakat Islam. Idea ini mula timbul apabila dilihat beberapa filem dan drama yang diterbitkan menggunakan hadis dalam dialog dan visualnya sebagai hujah. Namun, adakah karyawan seni dan penerbit faham tentang taraf kesahihan dan makna hadis yang digunakan?.

Di awal perkembangannya, terdapat pandangan sarjana yang menyimpulkan bahawa Islam menentang drama dan pementasan (Chelkowski, 1984), sehingga tidak menarik perhatian pada sebilangan Negara Islam (Marek, 1984). Malah perbincangan tentang drama pada pandangan *muhaddithīn* pula dinilai satu perkara yang amat baru, kerana segelintir ulama sahaja yang menulis atau membincangkannya. Walau bagaimanapun, ulasan perkara ini akhirnya kembali pada dasar penggunaan hadis, kerana drama hanya sebagai alat untuk penyampaian makna hadis sebagai mesej dakwah. Selain mementingkan isu martabat sahih atau daif, malah pihak yang mengeluarkan dan memasukkan hadis tersebut ke dalam drama arahan mereka perlu cakna atas isu ini.

Sehubungan dengan itu, Yūsuf al-Qaraḍāwī (1993) menegaskan untuk berhati-hati ketika berhujah menggunakan hadis. Setiap individu perlu memastikan nukilannya berasal daripada sumber yang dipercayai sahaja, dan menjauhi hadis-hadis yang

lemah, *munkar*, *mawḍūʿ* (palsu) dan yang tidak ada sandarannya. Sifat berhati-hati dalam memilih hadis yang bermartabat *maqbul* (diterima) dilihat perlu merujuk kepada pakar dalam bidang hadis. Oleh itu, penting untuk satu unit tapisan atau kawal selia hadis ditubuhkan dalam memastikan standard hadis yang dimasukkan ke dalam drama memenuhi syarat-syarat hadis *maqbul*. Yūsuf al-Qaradāwī (1993) turut memperingatkan isu memahami hadis dengan mempertimbangkan latar belakangnya, situasi dan kondisi ketika diucapkan serta tujuannya. Di antara cara-cara yang baik untuk memahami hadis nabi SAW menurut beliau ialah dengan memperhatikan sebab-sebab khusus yang melatarbelakangi diucapkannya suatu hadis, atau kaitannya dengan suatu *ʿillah* (sebab) tertentu yang dinyatakan dalam hadis tersebut atau disimpulkan darinya, ataupun dapat difahami daripada kejadian yang menyertainya. Ini berarti bahawa suatu hukum yang dibawa oleh suatu hadis ada kalanya tampak bersifat umum dan untuk masa yang tidak terhad. Tetapi jika diperhatikan lebih lanjut akan diketahui bahawa hukum tersebut berkaitan dengan suatu *ʿillah* tertentu, sehingga hukum akan hilang dengan sendirinya jika hilang *ʿillah*nya, dan tetap berlaku jika masih berlaku *ʿillah*nya.

Perlu difahami bahawa untuk memahami al-Quran mufasirin telah mengkaji *asbāb al-nuzūl* (sebab-sebab yang melatarbelakangi turunnya ayat). Begitu juga untuk memahami hadis, *muhaddithīn* mengkaji dengan terperinci *asbāb al-wurūd* (sebab atau peristiwa yang melatarbelakangi diucapkannya suatu hadis). Maka dari konteks hadis dalam drama ianya dapat dipraktikkan dari dua sudut, iaitu perlunya hadis yang didialogkan di antara pelakon menerangkan tentang konten hadis secara lengkap beserta *asbāb al-wurūd* ataupun dipaparkan pada skrin sama ada di awal cerita atau penghujungnya. Selain itu, bertanya kepada pakar bidang sebelum memasukkan hadis-hadis berkenaan juga amatlah penting. Bagi memastikan hadis yang digunapakai sebagai hujah adalah sahih dari sudut martabat dan juga pendalilannya.

4. Metodologi Kajian: Konsep Hadis dalam Drama

Ulama tidak pernah mempertikaikan kedudukan hadis apabila kajian menunjukkan nilai-nilai sahih wujud pada sanad dan matan sesebuah riwayat, meskipun didapati pertentangan yang begitu kuat dari golongan Orientalis dan musuh-musuh Islam. Dalam dunia yang berkecamuk dengan pertentangan ideologi dan pemikiran seperti disaksikan hari ini, tiada jalan keluar selain kembali kepada al-Quran dan Hadis. Jalan ini memungkinkan umat Islam dapat menyelesaikan

banyak permasalahan hidup, malah semua permasalahan agama dan kemanusiaan hendaklah diselesaikan menerusi kedua-dua sumber ini. Justeru itu, kewajipan merujuk kepada kedua-keduanya bukan lagi jalan pilihan, namun kewajipan yang menentukan keimanan seseorang kepada Allah SWT dan hari Akhirat (Abur, 2017).

Artikel ini mengadaptasi metodologi pengumpulan data secara kualitatif, di mana data dikumpulkan daripada buku, artikel dan juga disokong menerusi dapatan maklumat temubual dan pemerhatian. Sehubungan dengan itu, artikel ini adalah kajian kepada kedudukan hadis dalam drama *Tanah Kubur* musim kedua. Di mana setiap episod dalam drama ini berdasarkan simbolik-simbolik mesej daripada hadis Nabi SAW. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Rashid Sibir (2018) pengarah drama ini:

Kadang-kadang saya kena buat cerita base on hadis tu dulu. Kalau hadis cerita tentang zina camtukan kita tak jumpa kita buat takkan kita nak ulang balik hadis yang sama tu kan, benda-benda yang cerita pasal tu kan, aaa anak derhaka tu kan. Dalam cerita anak derhaka banyak hadis-hadis sahih, aaa yang zaman khalifah yang kata nak bakar emak dia kalau tak minta maaf, dia nak bakar anak dia tu, ha itu dah contoh story, so sikit lagi nabi Muhammad ada kata: “Siapa yang kau dahulukan, ibu, ibu, ibu jadi itu satu je yang kita pakai.” Abis, itu je yang kita pakai ustaz kita bukan nak pakai satu besar tu.

Menurut Rashid Sibir (2018) hadis merupakan idea dalam membentuk plot penceritaan agar ianya menarik dan berbentuk Islamik. Hadis dari sudut pandang masyarakat mungkin terlihat lebih kepada amalan-amalan dalam ibadah, namun ternyata ianya berbeza jika dilihat dari seluruh sudut kehidupan secara universal. Maka tidak pelik sekiranya hadis kini telah dibincangkan di dalam drama dan filem tempatan ataupun antarabangsa. Hadis yang bermain dalam drama-drama Melayu mempamerkan usaha serius dalam mengislamkan filem dan drama tempatan. Dan isu yang akan dan mungkin wujud ialah isu tentang status dan martabat kesahihan sesebuah hadis untuk dijadikan dalil dalam penceritaan drama.

Adapun metod analisis data yang digunakan adalah analisis kandungan terhadap hadis-hadis yang terdapat dalam drama *Tanah Kubur* Musim Kedua. Hadis-hadis tersebut ditakhrīj dengan menggunakan perisian *al-Maktabah al-Shāmilah* dan ICT, kemudian dianalisa dari aspek penilaian sanad. Setelah analisa terhadap sanad dilakukan, pemahaman terhadap matan hadis yang berkaitan dinyatakan melalui rangkuman pendapat para ulama hadis klasik dan

kontemporari agar hadis-hadis yang dibincangkan dapat difahami dengan pemahaman yang sebenar. Langkah terakhir adalah penilaian martabat hadis sama ada sahih, hasan, daif, dan palsu. Justeru itu, kaedah penilaian hadis yang digunakan dalam artikel ini memfokuskan kepada beberapa perkara berikut:

Martabat Hadis

Hadis yang diambil untuk digunakan di dalam sesebuah pendalilan mestilah di tahap yang *maqbul*, iaitu hadis yang mempunyai sifat-sifat penerimaan sesuatu hadis mengikut tahap penerimaannya sama ada peringkat tertinggi ataupun tidak, dan ia terbahagi kepada sahih dan *hasan*. Dengan begitu mana-mana hadis yang tidak menepati syarat-syarat penerimaan tersebut akan ditolak. Namun begitu, hadis daif dapat dikategorikan kepada dua, iaitu daif yang masih boleh beramal dengannya yang sebenarnya menyerupai hadis *hasan* seperti yang diperkenalkan oleh Abū 'Isā al-Tirmidhī (209-279) dan daif yang mewajibkan tidak beramal dengannya (al-Qāsimī, 1993).

Selain itu, menjadi kebiasaan masyarakat apabila melihat sesuatu hadis disandarkan pada Nabi SAW maka mereka menerimanya secara bulat-bulat tanpa diteliti terlebih dahulu status dan darjat hadis tersebut. Oleh itu, dalam artikel ini kesemua hadis telah dinyatakan kedudukannya sama ada sahih ataupun tidak menerusi kaedah *takhrīj*.

Takhrīj hadis

Usaha untuk memudahkan masyarakat bagi menilai status sesebuah hadis sangat penting untuk golongan agama, pendidik, penulis dan selainnya untuk serius dalam meletakkan status hadis sesuai dengan standard dan pensyaran. Pengaplikasian *takhrīj* hadis dalam penulisan ilmiah seperti jurnal, disertasi, tesis atau latihan ilmiah khasnya dalam bidang pengajian Islam adalah satu keperluan (Farhah Zaidar, et.al., 2016). Justifikasi keperluan tersebut dilihat semakin mendesak dewasa ini berdasarkan faktor kurangnya penguasaan ilmu tentang sumber hadis dalam kalangan penyelidik Islam kontemporari sama ada dalam aspek daya ingatan apatah lagi hafalan berkaitan hadis dan sumbernya.

Secara umumnya setiap yang bergelar pelajar, penyelidik, pakar-pakar akademik dan juga penulis sepatutnya bebas untuk menggunakan pelbagai peringkat dalam pengaplikasian *takhrīj* hadis di dalam kajian ataupun penulisan mereka. Penggunaan *takhrīj* adalah sangat penting bukan hanya dilihat kepada autentiknyanya hadis itu

malah boleh membersihkan pandangan umum masyarakat Islam dan bukan Islam terhadap konsep Islam itu dari sumber-sumber yang meragukan (Fadlan Othman, 2013). Sekiranya itu adalah pandangan ahli akademik berkaitan pentingnya aplikasi *takhrīj* dalam penyelidikan dan pembelajaran, apatah lagi filem ataupun drama, kerana ianya disajikan kepada masyarakat setiap waktu, dan tanpa disedari ianya menjadi medium penyampaian dakwah dan pembelajaran kepada masyarakat.

Sehubungan dengan itu, dalam artikel ini kesemua hadis yang terdapat dalam drama *Tanah Kubur* Musim Kedua daripada Episod 1 sehingga ke-13 dikenal pasti matan asalnya dalam versi bahasa Arab kemudian dilakukan proses *takhrīj* dengan menggunakan perisian *al-Maktabah al-Shāmilah* dan menggunakan ICT.

5. Dapatan Kajian: Output Hadis Drama *Tanah Kubur*

Drama *Tanah Kubur* Musim Kedua mengandungi 13 buah episod dan terdapat 14 buah hadis yang terkumpul sama ada dalam bentuk teks paparan ataupun hadis dalam dialog. Kajian mendapati 13 buah hadis adalah berbentuk paparan skrin awal sebelum adegan drama dimulakan dan 1 hadis merupakan dialog di antara pelakon drama tersebut. Berdasarkan 13 episod sampel drama tersebut, beberapa kategori hadis telah dikenalpasti, sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1. Hadis dalam drama *Tanah Kubur* Musim Kedua

Bil.	Ep.	Hadis dalam Drama	Hadis Asal	Sumber	Status
1	1	Daripada Abdullah bin Mas'ud RA Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa mati dalam keadaan ia melakukan sebarang syirik terhadap Allah, masuklah dia ke dalam neraka."	عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ مَاتَ يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا دَخَلَ النَّارَ وَقُلْتُ أَنَا مَنْ مَاتَ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا دَخَلَ الْجَنَّةَ	al-Bukhārī, <i>Kitāb al-Janā'iz</i> , <i>Bāb mā jā'a fī al-janā'iz</i> wa..., No. Hadis 1181.	sahih
2	2	Daripada Abi Amamad al-Bahili r.a, Rasulullah s.a.w. bersabda yang maksudnya: "Bacalah al-Quran kerana ia akan datang pada	عن أبي أمامة الباهلي ، قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " اقْرَءُوا الْقُرْآنَ ،	Muslim, <i>Kitāb al-Musāfirīn wa qaṣrihā</i> , <i>Bāb Faḍl qirā'at al-</i>	sahih

		Hari Akhirat kelak sebagai pemberi syafaat kepada tuannya.”	فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ ، اقْرَءُوا الزُّهْرَاوَيْنِ الْبَقْرَةَ وَسُورَةَ آلِ عِمْرَانَ فَإِنَّهُمَا تَأْتِيَانِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، كَأَنَّهُمَا غَمَامَتَانِ ، أَوْ كَأَنَّهُمَا غَيَائَتَانِ ، أَوْ كَأَنَّهُمَا فِرْقَانِ مِنْ طَيْرٍ صَوَافٍ تُحَاجَّاجَانِ عَنْ أَصْحَابِهِمَا ، اقْرَءُوا سُورَةَ الْبَقْرَةِ فَإِنَّ أَخْذَهَا بَرَكَةٌ ، وَتَرْكُهَا حَسْرَةٌ ، وَلَا تَسْتَطِيعُهَا الْبَطَلَةُ " ، قَالَ مُعَاوِيَةُ : بَلَّغْنِي أَنَّ الْبَطَلَةَ السَّحْرَةُ.	<i>Qur'ān wa qaṣrihā</i> , No. Hadis 1343.	
3	3	Rasulullah SAW Bersabda Yang Bermaksud: “Takutlah akan Allah dan berlaku adillah terhadap anak-anakmu” Riwayat Al-Bukhari Dan Muslim	عَنْ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ قَالَ تَصَدَّقَ عَلَيَّ أَبِي بِبَعْضِ مَالِهِ فَقَالَتْ أُمِّي عَمْرَةُ بِنْتُ رَوَاحَةَ لَا أَرْضَى حَتَّى تُشْهَدَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَنْطَلِقَ أَبِي إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيُشْهَدَهُ عَلَى صَدَقَتِي فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَفَعَلْتَ هَذَا بِوَلَدِكَ كُلِّهِمْ قَالَ لَا قَالَ اتَّقُوا اللَّهَ وَاعْدِلُوا فِي أَوْلَادِكُمْ فَرَجَعَ أَبِي فَرَدَّ تِلْكَ الصَّدَقَةَ	Muslim, <i>Kitāb al-Hibāt, Bāb Karāhah taḍā'il ba'd al-awlād fī al-hibah</i> , No. Hadis 1623.	sahih
4	4	Dari Abu Musa RA katanya: “Saya berlepas daripada orang yang Rasulullah berlepas diri daripadanya. Rasulullah SAW berlepas diri daripada orang-orang yang	عن أبي بريدة بن أبي موسى قَالَ وَجَعَ أَبُو مُوسَى وَجَعًا فَعُثِّي عَلَيْهِ وَرَأْسُهُ فِي حَجَرٍ امْرَأَةٍ مِنْ أَهْلِهِ فَصَاحَتْ امْرَأَةً مِنْ أَهْلِهِ فَلَمْ يَسْتَطِعْ أَنْ يَرُدَّ عَلَيْهَا شَيْئًا	Muslim, <i>Kitāb al-Īmān, Bāb Taḥrīm darb al-khudūd wa shaq al-juyūb wa al-</i>	sahih

		berkabung dengan berteriak-teriak, mencukur kepala dan mengoyak-ngoyak baju”.	فَلَمَّا أَفَاقَ قَالَ أَنَا بَرِيءٌ مِمَّا بَرِئَ مِنْهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَرِئَ مِنَ الصَّالِقَةِ وَالْحَالِقَةِ وَالشَّاقِقَةِ.	du ‘ā’ bi al-du ‘a’ al- jāhiliyyah, No. Hadis 104.	
5	5	Rasulullah SAW bersabda: ‘bukankah aku telah memberitahu kepada kamu tentang ahli-neraka? Mereka itu ialah orang-orang yang keras kepala, sombong, suka mengumpulkan harta tetapi tidak suka membelanjakan untuk kebaikan’.	عَنْ مَعْبِدِ بْنِ خَالِدٍ، قَالَ: سَمِعْتُ حَارِثَةَ بْنَ وَهَبٍ الْخُزَاعِيَّ، قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: " أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِأَهْلِ الْجَنَّةِ؟ كُلُّ ضَعِيفٍ مُتَضَعِّفٍ، لَوْ أَقْسَمَ عَلَى اللَّهِ لَا بَرَّةَ، أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِأَهْلِ النَّارِ: كُلُّ غَنِيٍّ جَوَاطٍ مُسْتَكْبِرٍ	al- Bukhārī, <i>Kitāb al- Adab, Bāb al-Kibr,</i> No. Hadis 6071.	sahih
6	6	Sesungguhnya Allah sentiasa memberi rahmat dan malaikatnya serta penduduk langit dan bumi, sehinggakan semut dalam lubangnya dan ikan di laut – sentiasa berdoa untuk siapa yang mengajarkan perkara-perkara yang baik kepada orang ramai.	عَنْ أَبِي أُمَامَةَ الْبَاهِلِيِّ قَالَ ذَكَرَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلَانِ أَحَدُهُمَا عَابِدٌ وَالْآخَرُ عَالِمٌ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَضَّلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِي عَلَى أَذْنَانِي ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَأَهْلَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِينَ حَتَّى الثَّمَلَةُ فِي جُحْرِهَا وَحَتَّى الْحَوْتَ لَيُصَلُّونَ عَلَى مُعَلِّمِ النَّاسِ الْخَيْرِ	al- Tirmidhī, <i>Kitāb al- ‘Ilm, Bāb mā jā’a fī faḍl al- Fiqh ‘ala al- ‘Ibādah,</i> No. Hadis 2685.	Ḥasan Ṣaḥīḥ
7	6	Rasulullah melarang umat-umat lelakinya memakai barang-barang emas.	عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ بُسِّ الْفُصَيِّ	al- Tirmidhī, <i>Kitāb al- Ṣalāh, Bāb mā</i>	Ḥasan Ṣaḥīḥ

- | | | | | | |
|----|---|--|---|--|-------|
| | | | وَالْمُعْصِرِ وَعَنْ تَحْتُمِ
الذَّهَبِ وَعَنْ قِرَاءَةِ الْقُرْآنِ
فِي الرُّكُوعِ | <i>jā'a fī al-nahy 'an al-qirā'ah fī al-rukū' wa al-sujūd</i> , No. Hadis 264. | |
| 8 | 7 | Dari Ibnu 'Umar RA katanya: "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Tidak diterima solat seseorang tanpa suci dan tidak diterima sedekah yang berasal daripada kejahatan (seperti mencuri, menipu, menggelapkan wang, merompak, judi dan sebagainya)" | عَنْ مُصْعَبِ بْنِ سَعْدٍ قَالَ دَخَلَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ عَلَى ابْنِ عَامِرٍ يَعُوذُهُ وَهُوَ مَرِيضٌ فَقَالَ أَلَا تَدْعُو اللَّهَ لِي يَا ابْنَ عُمَرَ قَالَ إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لَا تُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طَهْوَرٍ وَلَا صَدَقَةٌ مِنْ غُلُولٍ | Muslim, <i>Kitāb al-Taḥārah, Bāb Wujūb al-ṭahārah li al-ṣalāh</i> , No. Hadis 224. | Sahih |
| 9 | 8 | Rasulullah SAW bersabda, maksudnya: "Sesungguhnya Allah S.W.T tidak memandang kepada rupa paras dan harta benda kamu tetapi Allah hanya memandang kepada niat hati dan amalan-amalan kamu." | عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ | Muslim, <i>Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah wa al-Adāb, Bāb Taḥrīm zulm al-muslim wa khadhlih</i> ..., No. Hadis 2564. | Sahih |
| 10 | 9 | Sabda Rasulullah SAW. "Tidak ada seorangpun yang berada di dalam satu kaum yang mengetahui mereka melakukan kemaksiatan sedangkan ia berkuasa untuk mencegahnya maka Allah akan menurunkan azab kepada mereka sebelum mereka | عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ جَرِيرٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " مَا مِنْ رَجُلٍ يَكُونُ فِي قَوْمٍ يَعْمَلُ فِيهِمْ بِالْمَعَاصِي ، يَقْدُرُونَ عَلَى أَنْ يُعَيِّرُوا عَلَيْهِ وَلَا يُعَيِّرُوا ، إِلَّا أَصَابَهُمُ اللَّهُ بِعِقَابٍ قَبْلُ أَنْ يَمُوتُوا | Ibn Hibbān, <i>Kitāb al-Bir wa al-Iḥsān, Bāb al-Ṣidq wa al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy</i> ..., No. Hadis 306. | Sahih |

- mati.”
- 11 10 Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Bahawasanya orang yang mengambil harta dengan bukan haknya adalah sebagai orang yang memakan dan tidak merasa kenyang. Dan jadilah harta itu saksi atas dirinya di hari kiamat.”
- عن أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ أَكْثَرَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ مَا يُخْرِجُ اللَّهُ لَكُمْ مِنْ بَرَكَاتِ الْأَرْضِ قِيلَ وَمَا بَرَكَاتُ الْأَرْضِ قَالَ زَهْرَةُ الدُّنْيَا فَقَالَ لَهُ رَجُلٌ هَلْ يَأْتِي الْخَيْرُ بِالشَّرِّ فَصَمَتَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى ظَنَنَّا أَنَّهُ يُنْزَلُ عَلَيْهِ ثُمَّ جَعَلَ يَمْسُحُ عَنْ جَبِينِهِ فَقَالَ أَتَيْنَ السَّائِلُ قَالَ أَنَا قَالَ أَبُو سَعِيدٍ لَقَدْ حَمِدَنَاهُ جِئْنَا طَلَعَ ذَلِكَ قَالَ لَا يَأْتِي الْخَيْرُ إِلَّا بِالْخَيْرِ إِنَّ هَذَا الْمَالَ خُضِرَةٌ خُلُوةٌ وَإِنَّ كُلَّ مَا أَنْبَتَ الرَّبِيعُ يُقْتَلُ حَبَطًا أَوْ يُلْمُ إِلَّا أَكَلَةَ الْخُضِرَةِ أَكَلْتُ حَتَّى إِذَا امْتَدَّتْ خَاصِرَتَاهَا اسْتَقْبَلَتْ الشَّمْسُ فَاجْتَرَّتْ وَتَلَطَّتْ وَبَالَتْ ثُمَّ عَادَتْ فَأَكَلْتُ وَإِنَّ هَذَا الْمَالَ خُلُوةٌ مَنْ أَخَذَهُ بِحَقِّهِ وَوَضَعَهُ فِي حَقِّهِ فَنِعَمَ الْمَعُونَةُ هُوَ وَمَنْ أَخَذَهُ بِغَيْرِ حَقِّهِ كَانَ كَالَّذِي يَأْكُلُ وَلَا يَشْبَعُ
- عن جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ ، يَقُولُ : سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " لَا تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي يُقَاتِلُونَ عَلَى الْحَقِّ ،
- al-Bukhārī, *Kitāb al-Riqāq, Bāb mā yaḥdhir min zahrah al-dunyā wa al-tanāfus fihā*, No. Hadis 6063.
- Muslim, *Kitāb al-Īmān, Bāb Nuzūl ‘Isā ibn Maryam Ḥākiman bi*
- Sahih Sahih
- 12 11 Dari Jabir bin Abdullah RA katanya, dia mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Sentiasa ada segolongan umatku yang selalu

		memperjuangkan yang hak. Mereka selalu menang sampai hari kiamat.	ظَاهِرِينَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ " ، قَالَ : " فَيَنْزِلُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ ، فَيَقُولُ أَمِيرُهُمْ : تَعَالَ صَلِّ لَنَا ، فَيَقُولُ : لَا ، إِنَّ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ أُمَرَاءُ ، تَكْرِمَةً لِلَّهِ هَذِهِ الْأُمَّةُ .	Sharī'ah, No. Hadis 229.	
13	12	Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah mereka yang mempunyai akhlak mulia, orang-orang yang terpilih antara kamu ialah mereka yang baik pergaulan serta hubungannya dengan isteri-isteri mereka."	عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَخَيْرُهُمْ خِيَارُهُمْ لِنِسَائِهِمْ خُلُقًا .	Al-Tirmidhī, <i>Kitāb al-Riḍā', Bāb Mā jā'a fī haq al-mar'ah 'alā zawjihā,</i> No. Hadis 1162.	Hasan Ṣaḥīḥ
14	13	Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: Barangsiapa yang menukar agamanya, maka bunuhlah dia (al-Syaukani).	عَنْ عِكْرَمَةَ قَالَ أَتَيْتُ عَلِيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بِزَنَادِقَةٍ فَأَخْرَجَهُمْ فَبَلَغَ ذَلِكَ ابْنُ عَبَّاسٍ فَقَالَ لَوْ كُنْتُ أَنَا لَمْ أُخْرِجُهُمْ لِتَهْيِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تُعَذِّبُوا بِعَذَابِ اللَّهِ وَلَقَتَلْتُهُمْ لِقَوْلِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ	al-Bukhārī, <i>Kitāb istitābat al-murtaddīn wa al-mu'ānidīn wa qitālihim, Bāb hukm al-murtadd wa al-murtadda h wa istitabatuh</i> um, No. Hadis 6524.	Sahih

Kajian mendapati daripada 14 buah hadis tersebut membawa mesej yang berlainan pada setiap satunya, dan tidak berlaku pengulangan hadis yang sama pada episod-episod baru yang akan datang. Kesemua hadis yang dipaparkan sama ada pada skrin ataupun menerusi dialog pelakon didapati hanya menggunakan terjemahan

atau maksud hadis sahaja tanpa mendatangkan matan hadis yang asal. Malahan beberapa terjemahan hadis tersebut hanya menterjemah potongan hadis dan bukannya terjemahan lengkap. Selain itu, terdapat 11 buah hadis dikategorikan sebagai hadis sahih dan 3 hadis berstatus *Ḥasan Ṣaḥīḥ*. Hadis *Ḥasan Ṣaḥīḥ* atau *Ḥasan* mengikut Imam al-Tirmidhī dan ulama selepasnya ialah hadis yang berhubung sanadnya yang diriwayatkan oleh perawi yang adil yang lebih rendah *keḍābiṭannya* tanpa *shādh* dan tanpa *‘illat* (‘Itr,1997).

Bagi menjelaskan dengan teliti *output* kajian, maka satu hadis diambil dari episod ke-11 untuk dijadikan sampel *output*. Dari sudut sinopsis cerita episod ini menceritakan watak utama, iaitu Pak Midun sebagai orang yang baik, malah ditonjolkan watak beliau yang sering pergi ke Masjid. Namun beliau sering menegur orang lain dengan nada yang keras, malah terpekik melolong kepada orang yang ditegur. Dari sudut menegur orang ianya adalah perbuatan yang baik, kerana berusaha untuk mengajak berbuat baik dan mencegah kemungkaran. Walau bagaimanapun, Pak Midun dikritik kerana tidak menggunakan metode dakwah yang sebetulnya dalam menegur. Malah beliau sering mengaku bahawa dirinya merupakan orang yang paling baik di dalam kampung tersebut. Maka secara umumnya, Pak Midun seorang yang riak dengan amalannya dan tidak berhikmah dalam menegur orang lain, bahkan menghukum orang lain.

Pada episod ke-11, drama *Tanah Kubur* memaparkan sebuah terjemahan matan hadis di awal cerita, iaitu:

Dari Jabir bin Abdullah RA katanya, dia mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Sentiasa ada segolongan umatku yang selalu memperjuangkan yang hak. Mereka selalu menang sampai hari kiamat.

Berdasarkan kajian penulis, terjemahan hadis di atas diriwayatkan oleh Muslim dalam *Kitāb al-Īmān, Bāb Nuzūl ‘Isā ibn Maryam Ḥākiman bi Sharī‘ah*, No. Hadis. 229. Terjemahan hadis tersebut berasal daripada matan hadis berikut:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ يَقُولُ : سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : لَا تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي يُقَاتِلُونَ عَلَى الْحَقِّ ، ظَاهِرِينَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ ، قَالَ : فَيَنْزِلُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ عَلَيْهِ السَّلَام ، فَيَقُولُ أَمِيرُهُمْ : تَعَالَى صَلِّ لَنَا ، فَيَقُولُ : لَا ، إِنَّ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ أَمْرَاءٌ ، تَكْرِمَةَ اللَّهِ هَذِهِ الْأُمَّةَ .

Maksudnya:

Daripada Jābir ibn ‘Abdullah RA berkata: “Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Sentiasa ada segolongan umatku yang selalu memperjuangkan yang hak. Mereka selalu menang sampai hari kiamat. Baginda SAW bersabda: “Lalu turunlah Nabi ‘Isā putera Maryam AS, lalu pemimpin mereka berkata: “Kemarilah, pimpinlah solat kami.” Nabi ‘Isā AS berkata: “Tidak, sesungguhnya sebahagian kalian atas sebahagian yang lain adalah pemimpin, sebagai bentuk pemuliaan Allah SWT terhadap umat ini”.”

Hadis ini membincangkan salah satu ciri daripada golongan umat Islam yang dijanjikan kemenangan oleh Rasulullah SAW. Yakni mereka sentiasa wujud sepanjang zaman bagi berjuang melawan musuh Allah SWT. Terdapat sebilangan hadis yang menyebutkan tentang golongan ini yang tekal membela kebenaran dan pengakhirannya ialah kemenangan (zāhirah). Pertolongan atau kemenangan yang diraih bukan sahaja dalam bentuk kemenangan duniawi, tetapi yang paling penting ialah kemenangan ukhrawi, iaitu istiqamah di jalan kebenaran sehingga hari kiamat.

Golongan yang mendapat pertolongan Allah SWT ini merupakan individu pilihan Allah SWT yang sentiasa nyata kewujudannya semenjak zaman Rasulullah SAW sehingga hari kiamat. Mereka adalah hamba Allah SWT yang berakidah selari dengan pemahaman Nabi SAW dan para sahabat RA, menjauhi dosa besar dan dosa kecil semampu mereka, berusaha mengamalkan sunnah mula dari yang paling sederhana sehingga yang paling utama. Para ulama salaf mengidentifikasi bahawa mereka adalah ahli hadis yakni Ahli Sunnah Waljamaah. Ibn Hajar al-‘Asqalānī (1372-1449), pensyarah kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* menyatakan bahawa:

وقد قال أحمد بن حنبل في هذه الطائفة: إن لم يكونوا أهل الحديث فلا أدري من هم؟ وإنما أراد أهل السنة والجماعة ومن يعتقد مذهب أهل الحديث. وقال البخاري: هم أهل العلم.

(Ibn Hajar al-‘Asqalānī, t.th. 1: 164)

Aḥmad ibn Hanbal berkata tentang kelompok ini: “Kalau bukan ahli hadis maka aku tidak tahu lagi siapa mereka.” Yang dia maksud adalah Ahli Sunnah Waljamaah dan yang berakidah dengan mazhab ahli hadis. Sementara Al-Bukhārī mengatakan: “Mereka adalah ahli ilmu (ulama).”

Adapun Imam Abū Zakariyā Yahya Ibn Sharaf al-Nawawī (1233-1277), pensyarah Kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* menghuraikan secara terperinci tentang gambaran golongan ini:

وَيَحْتَمِلُ أَنَّ هَذِهِ الطَّائِفَةَ مُفَرَّقَةٌ بَيْنَ أَنْوَاعِ الْمُؤْمِنِينَ مِنْهُمْ شُجْعَانٌ مُقَاتِلُونَ وَمِنْهُمْ فُقَهَاءٌ وَمِنْهُمْ مُحَدِّثُونَ وَمِنْهُمْ زُهَادٌ وَأَمْرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَاهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَمِنْهُمْ أَهْلُ أَنْوَاعٍ أُخْرَى مِنَ الْخَيْرِ وَلَا يَلْزَمُ أَنْ يَكُونُوا مُجْتَمِعِينَ بَلْ قَدْ يَكُونُونَ مُتَفَرِّقِينَ فِي أَفْطَارِ الْأَرْضِ

(al-Nawawī, 1996/4: 58)

Ada kemungkinan bahawa golongan ini terpecar di antara pelbagai macam tipikal orang beriman. Dalam kalangan mereka terdapat para pemberani yang berperang, ada pula para fuqaha, ahli hadis, ahli zuhud, aktivis amar makruf dan nahi munkar, serta berbagai-bagai kegiatan baik selainnya. Mereka tidak semestinya berada di satu tempat, boleh jadi mereka terpecar di berbagai-bagai belahan bumi.

Mereka inilah Salafus Salih dan golongan yang mengikuti jalan mereka dan diiktiraf sebagai sebaik-baik umat sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْرُ أُمَّتِي قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ قَالَ عِمْرَانُ فَلَا أَدْرِي أَذْكُرُ بَعْدَ قَرْنِهِ قَرْنَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا ثُمَّ إِنَّ بَعْدَكُمْ قَوْمًا يَشْهَدُونَ وَلَا يُسْتَشْهَدُونَ وَيَحْجُونَ وَلَا يُؤْتَمَنُونَ وَيَنْذَرُونَ وَلَا يُقُونَ وَيَظْهَرُ فِيهِمُ السِّمْنُ.

Maksudnya:

Daripada 'Imrān ibn Huṣain RA berkata: "Rasulullah SAW bersabda: "Sebaik-baik ummatku adalah orang yang hidup pada zamanku (generasiku) kemudian orang yang datang setelah mereka, kemudian orang yang datang setelah mereka." 'Imran berkata: "Aku tidak tahu apakah setelah menyebut generasi baginda, baginda menyebut lagi dua generasi atau tiga generasi selepasnya." "Kemudian akan datang setelah kalian suatu kaum yang mereka bersaksi padahal tidak diminta bersaksi dan mereka suka berkhianat (sehingga) tidak dipercayai, mereka memberi peringatan padahal

tidak diminta memberi fatwa dan nampak daripada ciri mereka berbadan gemuk”.”

Islam bukan sekadar suatu perkataan yang disebut oleh lidah sahaja, bukan pula bererti kelahiran seseorang di dalam sebuah negara tertentu yang disebut sebagai negara Islam dan mempunyai lambang keislaman, juga tidak bererti kelahiran seorang yang ibu bapanya muslim. Mutakhir ini, masyarakat sering membicarakan tentang Islam akan menang, Islam akan tertegak, tetapi apakah yang mereka lakukan untuk menuju ke arah itu? Perjuangan menegakkan Islam masih belum berakhir. Sebenarnya bangsa atau umat yang menjadi pilihan Allah SWT yang akan sentiasa diberikan kemenangan ialah bangsa muslim yang hidupnya terus memperjuangkan agama Allah SWT sekalipun mereka berlainan bangsa dan warna kulit. Inilah konsep yang unggul mengenai negara dan rupa bangsa yang sentiasa beroleh kemenangan dan kekal merdeka.

Dari sudut penggunaan hadis ini dalam episod ke-11 drama ini dilihat membawa mesej yang berlainan dengan makna asal matan hadis, atau mungkin berlaku sedikit *twist* dalam plot penceritaan. Namun ianya secara umum sangat berjauhan dengan makna asal hadis. Watak Pak Midun dalam drama ini sama sekali tidak menggambarkan watak orang yang memperjuangkan hak dengan dedikasi. Tetapi mungkin membawa maksud tersirat pada watak Tok Adi yang mana memperjuangkan yang hak dalam mengatasi isu ini.

Pada akhirnya, matan hadis dan makna asal hadis seharusnya berkait rapat dengan setiap plot penceritaan memandangkan hadis dalam drama ini dijadikan sebagai asas perjalanan penceritaan. Perkara ini akan memberi kesan kepada pemahaman masyarakat terhadap hadis, kerana masyarakat percaya hadis yang ditayangkan pada awal drama akan menggambarkan keseluruhan makna hadis itu dalam bentuk mesej dalam lakonan. Dengan begitu, jika sekiranya makna asal matan hadis yang telah diperincikan oleh ulama hadis bercanggah dengan jalan cerita yang hendak ditayangkan maka ia semestinya ditolak.

6. Kesimpulan

Setiap umat Islam memainkan peranan dalam menuntut ilmu dan memahami al-Sunnah dalam kehidupan. Hadis ini tidak sekadar menjadi teori dalam pembelajaran, malah ianya adalah teori dan praktikal secara langsung dalam setiap perkara dan aktiviti dalam kehidupan. Perbincangan tentang kedudukan hadis di dalam drama

Melayu tempatan hanya sebahagian kecil dari al-Sunnah yang sepatutnya diaplikasikan dalam kehidupan. Kerisauan dengan penyebaran hadis-hadis palsu adalah satu tingkat kesedaran yang baik sebagai seorang Muslim. Justeru, bagi membendung gejala ini perlu dengan menambahkan ilmu pengetahuan tentang hadis dengan lebih mendalam seiring dengan menggesa pihak-pihak tertentu untuk menubuhkan satu unit khas pantauan yang dapat menyelia keluar masuk hadis di dalam drama, filem, silibus pendidikan. Begitu juga pantauan yang menyeluruh terhadap penyebaran hadis palsu di dalam media internet. Usaha ini adalah dalam merangka kerjasama sesama Muslim dalam memastikan kemaslahatan hadis dan agama terjamin dengan harmoni.

RUJUKAN

- ‘Itr, Nūr al-Dīn. (1997). *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Abur Hamdi Usman. (2017). Hegemoni Hadis Dalam Pentafsiran Alquran: Diagnosis Pemikiran Hadis M. Quraish Shihab (L. 1944). *Hadis*, Vol. 7, No. 14, 35-55.
- al-‘Asqalāni, Ibn Ḥajar. (1986). *Fath al-bārī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Rayyān li al-Turāth.
- al-Nawawī, Yahyā ibn Sharaf Abū Zakariyyā. (1996). *Sharḥ al-Nawawī ‘Alā Muslim*. Kaherah: Dār al-Khayr.
- al-Qāsimī, Muḥammad. (1993). *Qawā‘id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Nafā’is.
- Asiah Sarji & Nur Kareelawati Abd. Karim. (2008). Filem Cereka Melayu Sebagai Salah Satu Saluran Dakwah Remaja di Malaysia: Kajian Filem-filem Arahan Pengarag-Pengarah Filem Muda Selepas Tahun 2000. *Nadwah Ilmiah Syeikh Abdullah al-Ghadamisi al-Maghribi ke-2: Dakwah dan Media*.
- Chelkowski, P. (1984). Islam in modern drama and theatre. *Die Welt des Islams*, 45-69.
- Fadlan Mohd Othman. (2013). *Takhrij Al-Hadith Dalam Penulisan Ilmiah: Penyelarasan Di Institusi Pengajian Tinggi, Institusi Agama Dan Media Cetak Di Malaysia*. Disertasi Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli, et. al. (2016). Kajian Perbandingan Takhrij Hadis Di IPT-IPT Malaysia: Kajian Kes di KUIS. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, Vol. 3, No. 3, 64-84.

- Izharuddin, A. (2017). Dakwah at the Cinema: Identifying the Generic Parameters of Islamic Films. In *Gender and Islam in Indonesian Cinema* (pp. 31-62). Singapore: Palgrave Macmillan.
- Kracauer, Sigfried. (1960). *Theory of Film. The Redemption of Physical Reality*. New York: Oxford University Press.
- Marek, J. (1984). The Impact of Islamic Culture on Urdu Drama. *Die Welt des Islams*, 117-128.
- Moll, Y. (2012). Storytelling, Sincerity, and Islamic Televangelism in Egypt. In *Global and Local Televangelism* (pp. 21-44). London: Palgrave Macmillan.
- Mulkan, D. (2014). Islamic preaching (da'wah) portrait in television (Indonesian cases). *TIJOSS & ARF*, 19(1), 55-64.
- Naim Ahmad. (2010). Filem Islam: satu perbicaraan. *Kertas Kerja Bengkel Fiqh Penyiaran Anjuran JAKIM, TV al-Hijrah & FDAM*. Bangi: ILIM.
- Rakhmani, I. (2016). Commercial Da'wah. In *Mainstreaming Islam in Indonesia* (pp. 69-97). New York: Palgrave Macmillan.
- Yūsuf al-Qaradāwī. (1993). *Kaifa Nata'āmal Ma'a Al-Sunnah Al-Nabawiyah*. Kaherah: Dār al-Shurūq.
-

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil kajian bertajuk “Analisis Kedudukan Hadis dalam Drama Melayu”. Penulis mengisytiharkan penerimaan sokongan kewangan daripada pihak berikut untuk penyelidikan, karangan, dan / atau penerbitan artikel ini. Artikel ini di bawah sokongan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) KUIS bagi kod dana Geran Penyelidikan Insentif KUIS: 2017/P/GPIK/GPM-001.

BIOGRAFI PENULIS UTAMA

Abur Hamdi Usman, seorang ahli akademik yang telah memperolehi gelaran Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Hadis dan Ilmu-Ilmunya di Jabatan Usuluddin dari Universiti Al-Azhar di Kaherah, Mesir. Seterusnya beliau telah berjaya memperoleh ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Tafsir dan Pemikiran Islam di Jabatan Usuluddin dan Falsafah dari

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kini beliau berkhidmat di Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) selaku Pensyarah Kanan dan sebagai Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis (INHAD). Kepakaran beliau dalam dunia penulisan dapat dibuktikan dengan puluhan karya tulis yang telah dihasilkan, sama ada dalam bentuk buku, seperti *Al-tafsir Al-Mawdu'i: Lafaz Al-Nafar dalam Al-Quran, 40 Hadis Senyum, Dinamika Kajian Turath: Antologi Kehujahan Hadis*. Begitu juga dengan artikel dalam Jurnal berindeks Scopus dan antarabangsa, seperti: *Interaction with Prophetic Tradition: A Review of al-Qaradawi's Thought, Rise and Fall of Development: How does Hadith Views on Economic System?, The Intellectuality of Al-Dihlawi: A Review on His Contribution in Science of Prophetic Tradition, Hujjat Allah Al-Balighah: The Uniqueness of Shah Wali Allah Al-Dihlawi's Work*, dan lain sebagainya. Selain itu, beliau juga sering menjadi *keynote speaker* dalam persidangan antarabangsa yang dianjurkan di Singapura, Indonesia, dan Malaysia. Beliau boleh dihubungi di: aburhamdi@kuis.edu.my

///